



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PULAU PINANG**

Tingkat 42,
Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)
10000 PULAU PINANG

Tel: 604-255 5500 – 507 (8 Talian)
Faks: 604-255 5577
e-Mail : pneg_png@anm.gov.my
Laman Web:
<https://penang.anm.gov.my>

Rujukan Kami: ANM PG. 800-16 JLD 6 (04)
Tarikh : 16 Oktober 2023

SEMUA PTJ NEGERI PULAU PINANG

Tuan/Puan,

**PENGHANTARAN PENGESAHAN BAKI KOD AKAUN YANG BERKAITAN UNTUK TUJUAN
PENYEDIAAN KERTAS KERJA SOKONGAN BAGI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN PRA-PERALIHAN (INTERIM) TAHUN 2023 (LEJAR AKRUAN)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Pejabat Perakaunan diminta untuk mengemukakan pengesahan baki bagi kod-kod akaun yang berkaitan bagi tujuan penyediaan Kertas Kerja Sokongan Penutupan Interim bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra-Peralihan Tahun Kewangan 2023 berdasarkan Lejar Akruan. Oleh itu, kesemua PTJ di Pulau Pinang hendaklah mengambil tindakan ke atas perkara seperti berikut:

- (a) Menyediakan Pengesahan Baki bagi kod akaun berikut mengikut panduan yang disertakan bersama surat ini;

BIL	ITEM PENYATA KEWANGAN	KOD AKAUN	LAMPIRAN	RUJUKAN LAPORAN PORTAL	UNIT UNTUK DIHUBUNGI
1.	INVENTORI –BAGI PTJ IVENTORI SAHAJA	A06* dan A07*	C1	Laporan Ringkasan Hasil/ Belanja/Aset/Liabiliti/ Ekuiti di Portal IGFMAS	UNIT PENGURUSAN ASET
2	ASET BELUM BAYAR	L013*	G1	Laporan Ringkasan Hasil/Belanja/Aset/Lia biliti/Ekuiti di Portal iGFMAS	
3	AKAUN BELUM BAYAR GRN/FRN TRANSIT ASET	L0191103	G3	Laporan Ringkasan Hasil/Belanja/Aset/Lia biliti/Ekuiti di Portal iGFMAS	
4	PERBELANJAAN TERDAHULU ASET	A053*	D2	Laporan Ringkasan Hasil/ Belanja/Aset/Liabiliti/E kuiti di Portal IGFMAS	
5	DEPOSIT BAYARAN	A052*	D1, D1(A) & D1(B)	Laporan Ringkasan Hasil/ Belanja/Aset/Liabiliti/E kuiti di Portal IGFMAS	UNIT AKAUN
6	WANG PENDAHULUAN KONTRAKTOR	A0591101	D3 & D3(A)		
7	DEPOSIT	L11*	N, N(A) & N(B)		

				-Laporan Kedudukan Baki Subsidiari/Laporan Terimaan Terdahulu dan Deposit di Portal iGFMAS.	UNIT AKAUN
8	AKAUN BELUM TERIMA (ABT) ONGOING RECEIVABLES	A048*	B7, B7(A) & B8	Laporan Invois Terperinci di Portal iGFMAS	UNIT PENGURUSAN DANA
9	TERIMAAN TAK DITUNAI	A0311101	B3	Laporan Daftar Cek Tak Laku di Portal iGFMAS	
10	PENDAPATAN TERDAHULU	L037*	L	Laporan Aset/Liabiliti/Ekuiti atau Laporan Ringkasan Hasil/Belanja/Aset/Liabiliti/Ekuiti di Portal iGFMAS	

(b) Memastikan Pengesahan Baki yang lengkap dan sempurna dikemukakan dalam **tiga (3) salinan asal (Tandatangan Hidup)** kepada JANM Negeri Pulau Pinang selewat-lewatnya pada **25 Oktober 2023 (Rabu)**.

3. Setiap Pengesahan Baki yang disediakan hendaklah mematuhi format yang telah ditetapkan iaitu **mengikut PTJ DIPERTANGGUNG** dan disahkan serta ditandatangani oleh Ketua Jabatan atau pegawai kanan di pejabat tuan/puan. Format Pengesahan Baki ini boleh dimuat turun melalui portal Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang <https://penang.anm.gov.my/> di menu Muat Turun. Dilampirkan bersama panduan berikut untuk rujukan tuan/puan:

3.1 Panduan Penyediaan Pengesahan Baki Oleh PTJ Pembayar Bagi Tujuan Kertas Kerja Sokongan Penutupan Interim bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra-Peralihan Tahun Kewangan 2023 berdasarkan Lejar Akruan;

3.2 Tatacara Semakan Penyediaan Pengesahan Baki Oleh PTJ Pembayar dan Pejabat Perakaunan

4. Perhatian dan kerjasama tuan/puan untuk mematuhi panduan yang ditetapkan amatlah dihargai dalam memastikan Pengesahan Baki bagi penyediaan Kertas Kerja Sokongan Penutupan Interim bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra-Peralihan Tahun Kewangan 2023 berdasarkan Lejar Akruan adalah lengkap dan teratur.


Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Memperkasakan Budaya Inovasi Digital”

Saya yang menjalankan amanah,



(MAZIAH BINTI MUSA C.A.(M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pulau Pinang